

# Dr M sudah ada harga baharu projek ECRL

BH - 9/3/2019 m/s: 2

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sudah mempunyai harga baharu bagi projek Laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) untuk dirundingkan semula dengan China.

Sambil mengakui kos baharu projek berkenaan dalam pemikirannya dengan syarat dipersetujui Malaysia dan China, namun enggan mendedahkannya buat masa sekarang.

“Ya, ada (harga baharu) tetapi saya tidak dapat mendedahkannya kepada anda,” katanya dalam wawancara bersama *South China Morning Post* (SCMP), di Manila, Filipina, kelmarin.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempertimbangkan untuk meneruskan projek ECRL dengan harga berpatutan yang dikurangkan berbanding perlu membayar pampasan besar.

Dr Mahathir turut mengakui sukar untuk mencari penyelesaian

kepada isu projek ECRL itu.

“Secara semula jadi, China tidak mahu menghentikan projek itu kerana ia adalah projek besar. Saya rasa ia bagus untuk perniagaan.

## Harga perlu berpatutan

“Sebaliknya, kita tidak mempunyai wang. Kita tidak mahu meminjam begitu banyak wang. Jadi, akan ada rundingan berterusan. Jika ia perlu diteruskan, harga yang ditawarkan perlu berpatutan kepada kita,” katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu membayar pampasan banyak jika membatalkan projek itu.

“Kita tahu tidak boleh membatalkan kontrak ini bagi sebelah pihak sahaja. Kita kena bayar pampasan. Pampasan boleh jadi sangat besar. Antara perlu membayar pampasan jika menghentikan projek dan meneruskan projek jika harga diturunkan, menjadi perkara yang akan dipertimbangkan ba-

gi melihat keputusan mana yang terbaik,” katanya.

Bulan lalu, Dr Mahathir dilaporkan berkata kerajaan hanya meneruskan projek ECRL sekiranya harga ditawarkan bersesuaian dan ketika ini, Malaysia tidak bersetuju dengan harga ditawarkan.

Sebaliknya, Malaysia berharap mengeluarkan perbelanjaan kurang daripada kos ditawarkan iaitu lebih RM55 bilion, selain menegaskan bahawa bukan kerajaan tidak mahu meneruskan projek itu, tetapi ketika ini kerajaan tidak mempunyai wang berkenaan.

Katanya, kos projek kereta api yang sangat mahal menyebabkan ia mengambil masa sehingga 30 tahun untuk membayar balik pinjaman dan akan dibebankan dengan faedah yang banyak sehingga akhirnya perlu membayar sehingga RM140 bilion.

Sebelum ini, Dr Mahathir berkata perbincangan dengan kon-

traktor mendedahkan projek itu boleh dilaksanakan dengan kos RM35 bilion, iaitu jauh lebih rendah daripada harga asal RM55 bilion yang dipersetujui sebelum ini.

## Malaysia lebih suka ‘China kaya’

Projek ECRL bernilai RM81 bilion diluluskan Kabinet pada Oktober 2016 dan pembinaannya akan dikendalikan oleh China Communication Construction Company Ltd (CCCC), manakala pembiayaan pula disediakan Bank Eksport-Import China (Exim Bank of China).

Dalam wawancara bersama SCMP itu, Dr Mahathir juga menegaskan bahawa Malaysia lebih sukakan ‘China kaya’ berbanding Amerika Syarikat (AS) yang sukar diramalkan sekiranya terpaksa berpihak dalam persaingan geopolitik dan perang perdagangan antara kedua-dua kuasa besar itu.

Katanya, pada masa ini, tindakan AS sukar diramalkan dan Ma-

laysia perlu menerima China yang lebih dekat dan mempunyai pasaran besar, sekali gus boleh mendapat manfaat daripada kekayaan China yang semakin meningkat.

Perdana Menteri berkata, pertimbangan Malaysia mengenai hubungannya dengan China juga tidak akan dipengaruhi momokan negara Barat yang mendakwa syarikat telekomunikasi China, Huawei terabit dalam pengintipan.

Bagaimanapun, katanya, Putrajaya memerhatikan dengan teliti dan mengadakan perbincangan sekiranya pembabitan firma itu dalam rangkaian internet berkelajuan tinggi 5G di Malaysia akan menimbulkan ancaman terhadap keselamatan negara.

“Walaupun China menyebarkan pengaruhnya di negara ASEAN dan di seluruh dunia melalui inisiatif One Belt One Road, ia tidak kelihatan seperti republik itu ‘mahu membina empayar,’” katanya.